

11/05/2002

Punca tiada syarikat lain di Kertih disiasat

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri akan menyiasat punca usahawan tempatan tidak berminat menempatkan kemudahan pengeluaran produk di Kertih, Terengganu walaupun banyak pelabur asing berbuat demikian.

Menterinya, Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata oleh kerana kawasan itu adalah untuk industri petrokimia, senario itu mungkin ada kaitan dengan kekurangan Bumiputera, terutama Melayu menceburi industri berkenaan.

Katanya, jumlah syarikat Melayu dalam industri petrokimia tidak banyak dan jika ada pun adalah vendor Petronas atau syarikat petroleum lain.

"Saya tak tahu keadaan sebenar. Tapi kemungkinan Kertih adalah untuk petrokimia. Ini menunjukkan tidak ramai syarikat Bumiputera terbabit dalam industri itu. Apa pun, kita akan siasat," katanya hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam yang kesal dengan sikap usahawan tempatan tidak berminat menempatkan kemudahan pengeluaran barangan di Kertih.

Perdana Menteri berkata, usahawan tempatan perlu mengambil kesempatan daripada pelbagai peluang yang ditawarkan industri minyak dan gas di Kertih bagi memenuhi wawasan pembangunan kebangsaan.

Katanya, industri tempatan perlu memberi sokongan dan kepercayaan kepada peluang yang disediakan oleh industri petroleum dan petrokimia. Berdasar semangat Persyarikatan Malaysia, kerjasama seperti itu akan membolehkan negara meluaskan lagi rangkaian nilai dari sumber minyak dan gas.

Rafidah berharap syarikat yang ada kaitan dengan industri petrokimia secara menyeluruh akan mendapatkan sinergi daripada mengumpulkan aktiviti mereka di tempat seperti itu.

"Memang dalam kita membina pembangunan industri kelompok, satu daripada cara yang kita rancang ialah supaya kelompok ini secara fizikal juga di tempatkan di satu daerah.

"Jadi, kalau Kertih ialah kawasan industri petrokimia, wajar kita memberi tumpuan kepada menghalakan mereka ke situ. Tapi saya tak tahu berapa jumlah syarikat Melayu terbabit dalam petrokimia setakat ini, katanya.

"Yang pasti, ia tidak banyak. Kita belum mendirikan syarikat yang benar-benar berdiri sendiri dalam petrokimia. Kebanyakannya hanya vendor kepada Petronas atau syarikat lain," katanya.

(END)